

PENDAFTARAN PERKHIDMATAN NEGARA

1. Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Kerahan, pihak yang menjalankan perintah menghendaki setiap lelaki warga negara Singapura, dan setiap lelaki Penduduk Tetap Singapura, yang lahir antara 1 Oktober 2004 dan 1 Januari 2005 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) (yang disebutkan dalam pemberitahuan ini sebagai seorang pendaftar) perlu mendaftar untuk perkhidmatan negara.

2. Seseorang pendaftar perlu mendaftar untuk perkhidmatan negara antara 17 November 2021 dan 7 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) -

(a) menerusi dalam talian di <https://www.ns.sg>; atau

(b) secara peribadi di Podium, Pusat Pangkalan Tenaga Manusia (CMPB) yang terletak di 3 Depot Road, Singapura 109680.

3. (1) Setiap pendaftar mesti -

(a) semasa mendaftar, memilih satu tarikh antara 7 Januari 2022 dan 11 Februari 2022 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) untuk pemeriksaan perubatan; dan

(b) menjalani pemeriksaan perubatan di CMPB pada tarikh yang dipilih antara 8 pagi dan 1 tengah hari.

(2) Bagaimanapun, sub-perenggan(1) tidak perlu dituruti jika pendaftar membuat permohonan di bawah perenggan 4(1), dan berjaya dalam permohonannya.

4. (1) Seseorang pendaftar boleh, selepas membuat pendaftaran untuk perkhidmatan negara tetapi sebelum beliau memulakan perkhidmatan negara, memohon untuk menanggungkan kewajipan untuk melaporkan diri untuk menjalani kerahan bagi menyelesaikan pengajiannya di Singapura.

(2) Satu permohonan di bawah sub-perenggan (1) mesti dibuat –

(a) secara dalam talian di <https://www.ns.sg>; atau

(b) secara peribadi di Podium CMPB.

(3) Jika permohonan seseorang pendaftar di bawah sub-perenggan (1) berjaya, pendaftar akan menerima surat pemberitahuan daripada pihak berkuasa tentang tarikh untuk pendaftar melaporkan diri untuk kerahan dan menjalani pemeriksaan perubatan.

Tempat:	Pusat Pangkalan Tenaga Manusia Podium – CMPB 3 Depot Road Singapura 109680
Masa:	Isnin hingga Jumaat – 8 pagi hingga 5 petang Sabtu – 8 pagi hingga 1 tengah hari Tutup pada Ahad dan cuti awam
Pertanyaan:	1800-3676767
E-mel:	contact@ns.sg
Laman Utama:	https://www.ns.sg